




**KENYATAAN MEDIA  
YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN  
DAN  
MENTERI KEWANGAN II  
NEGERI SABAH**

---

**A LAPORAN HARIAN KES JANGKITAN COVID-19**

- 1 Berdasarkan laporan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah, jumlah kes positif baharu COVID-19 pada hari ini adalah sebanyak **160 kes**, menjadikan jumlah kumulatif sebanyak **57,324 kes**. Tiga (3) kes kematian direkodkan hari ini iaitu dua (2) kes di daerah Tawau dan satu (1) di Putatan. Takziah diucapkan kepada keluarga terlibat.
- 2 Jumlah pesakit COVID-19 discaj dari hospital / sembuh 159 menjadikan jumlah kumulatif 55,590 orang. Seramai 994 pesakit sedang menerima rawatan iaitu 317 orang di hospital, 662 orang di Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam dan 15 orang lagi di Pusat Tahanan Sementara (PTS) / Penjara. Bilangan pesakit dalam ICU pula ialah 55 orang dan 20 orang lagi memerlukan alat bantuan pernafasan (*ventilated*).

3 Kes-kes jangkitan COVID-19 pada hari ini mengikut daerah adalah seperti berikut:



Daerah Penampang berubah dari zon kuning ke zon jingga.

4 Pecahan daerah mengikut zon:

- Zon Merah enam (6) daerah
- Zon Jingga lima (5) daerah
- Zon Kuning 11 daerah
- Zon Hijau lima (5) daerah

5 **Satu (1) kluster** baharu direkodkan hari ini.

**Kluster Kota Sawit di Kinabatangan** pada hari ini mencatat jumlah kumulatif sebanyak 14 kes. Kes indeks merupakan pekerja kilang sawit yang dikesan positif COVID-19 melalui (RTK Ag) saringan bergejala pada 13 April 2021 di sebuah pusat perubatan. Susulan kes itu, saringan kontak rapat mendapati 13 lagi kes positif termasuk seorang tanggungan pekerja. Berdasarkan rekod pergerakan, kes indeks dipercayai mendapat jangkitan ketika melawat keluarganya yang tinggal di zon merah (Lahad Datu). Sehingga hari ini, kilang terbabit ditutup manakala para pekerja pula telah dikuarantin. Aktiviti persampelan COVID-19 dan disinfeksi masih diteruskan untuk menilai sebarang jangkitan dan risiko kemungkinan jangkitan menular ke ladang-ladang berhampiran.

6 Daripada 160 kes positif COVID-19, sebanyak 62 kes (38.8%) adalah berpunca dari saringan kontak rapat, 25 kes (15.6%) saringan bergejala, 62 kes (38.8%) dari kluster sedia ada serta 11 kes (6.8%) dari lain-lain kategori.

7 Jumlah kapasiti katil 3,965 unit

- Hospital 535 unit
- Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam 2,910 unit
- Pusat Tahanan Sementara (PTS) / Penjara 520 unit.

Peratus penggunaan katil 25.07%.

## **B SENARAI SEKOLAH TULAR POSITIF COVID-19**

Susulan dakwaan sekolah di daerah Penampang dan Kota Kinabalu yang mempunyai kes positif COVID-19 dan tular di media sosial hari ini, dimaklumkan hanya **lima (5) sekolah** merekodkan kes positif COVID-19 iaitu SJK (C) Shan Tao KK dengan tiga (3) kes, SJK (C) Chung Hwa Likas satu (1) kes, SJK (C) Chung Hwa KK dua (2) kes, SM Shan Tao tiga (3) kes dan SRK Lok Yuk Likas (seorang guru-kes Februari 2021). Manakala, **empat (4) sekolah lagi tiada kes COVID-19** dicatatkan iaitu SJK (C) Yue Min Penampang, Yue Min Kindergarten Penampang, St James Likas dan Menggatal Lok Yuk Kindergarten.

## **C PENAMATAN PKPD ILP, TAMAN PERMATA DAN TAMAN SERI LABUK, SANDAKAN**

- 1 Kerajaan sebelum ini telah melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di tiga lokaliti iaitu Institut Latihan Perindustrian (ILP) Sandakan, Taman Permata dan Taman Seri Labuk di daerah Sandakan, Sabah yang dijadualkan tamat esok, 23 April 2021.
- 2 Setakat ini, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah melaksanakan 142 ujian saringan di ILP, sebanyak lapan (8) kes positif COVID-19 direkodkan. Sebanyak 142 ujian saringan dilakukan di Taman Permata, 13 daripadanya positif manakala 120 lagi ujian saringan di Taman Seri Labuk dan enam (6) daripadanya disahkan positif.
- 3 KKM juga mengesahkan kes menunjukkan penurunan dan kluster adalah terkawal di ketiga-tiga lokaliti ini manakala semua kes positif telah menerima rawatan.
- 4 Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, **Kerajaan Negeri bersetuju menamatkan PKPD Institut Latihan Perindustrian (ILP), Taman Permata dan Taman Seri Labuk di Sandakan pada 23 April 2021, seperti dijadualkan.**

## **D PENAMATAN PKPD KAMPUNG GAYANG, TUARAN**

- 1 Kerajaan sebelum ini telah melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Kampung Gayang, Tuaran, Sabah yang dijadualkan tamat esok, 23 April 2021.
- 2 Dalam tempoh itu, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah melakukan 1,425 ujian saringan dan daripada jumlah itu secara kumulatifnya, 36 kes positif direkodkan.
- 3 KKM juga mengesahkan kes telah menurun dan tiada lagi sampel ujian menunggu keputusan manakala semua kes positif telah dirawat.
- 4 Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, **Kerajaan Negeri bersetuju menamatkan PKPD Kampung Gayang, Tuaran pada 23 April 2021, seperti dijadualkan.**

## **E STATISTIK VAKSINASI NEGERI SABAH**

- 1 Setakat ini bagi Fasa 1 Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan, seramai **satu (1)** orang telah menerima suntikan vaksin harian Dos 1 menjadikan jumlah kumulatif sebanyak **52,051** orang.
- 2 Bagi Dos 2 vaksin, seramai **24** orang telah menerima suntikan hari ini menjadikan jumlah kumulatif sebanyak **42,215** orang.
- 3 Bagi Fasa 2 Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan, seramai **2,698** orang telah menerima suntikan vaksin harian Dos 1 menjadikan jumlah kumulatif sebanyak **5,543** orang.
- 4 Bilangan pendaftaran penerima vaksin hari ini sejumlah **3,989** menjadikan jumlah kumulatif yang mendaftar setakat ini sebanyak **441,421** (mysejahtera 399,122 : laman web 42,045 : talian vaksinasi 254) bersamaan 15.1%.

## **F BANTUAN BAKUL MAKANAN (*FOOD BASKET*)**

Sejumlah **309,703** bakul makanan diagihkan pada hari ini kepada golongan yang terkesan di bawah Program Bantuan Prihatin COVID-19 2.0.

## **G LAPORAN SEKATAN JALAN RAYA (SJR), PENGUATKUASAAN PERAIRAN SABAH, SANITASI DAN HEBAHAN AWAM *INFO ON WHEELS***

- 1 Sejumlah 67 SJR dilaksana dalam tempoh 24 jam, melibatkan pemeriksaan 23,093 buah kenderaan. Daripada jumlah tersebut, 75 buah kenderaan diarah berpatah balik. Pada hari ini, PDRM melaksanakan 78 hebahan melalui kereta peronda dengan tiada tangkapan dibuat.

- 2       Sebanyak 24 kompaun melanggar SOP COVID-19 telah dikeluarkan seluruh Sabah.
- Tawau - 15 Orang
    - 13 orang di Tawau (Tiada penjarakan sosial).
    - Dua (2) orang di Tawau (Membawa penumpang berlebihan).
  - Papar - satu (1) Orang
    - Gagal menyediakan peralatan/Merekod butiran diri pelanggan.
  - Kinabatangan - satu (1) Orang
    - Gagal menyediakan peralatan/merekod butiran diri pelanggan.
  - Beluran - satu (1) Orang
    - Gagal menyediakan peralatan/merekod butiran diri pelanggan.
  - Sandakan - satu (1) Orang
    - Membawa penumpang berlebihan.
  - Penampang – lima (5) Orang
    - Tiada penjarakan sosial.
- 3       Penguatkuasaan SOP turut dijalankan di perairan laut Sabah oleh Pasukan Polis Marin dan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) melibatkan 68 pemeriksaan di kawasan Pantai Timur dan 39 pemeriksaan di perairan Kota Kinabalu dan Labuan. Hasil pemeriksaan, lima (5) tangkapan dibuat iaitu dua (2) tangkapan di bawah Akta Imigresen 1959/63 dan Akta Perikanan 198, dua (2) lagi tangkapan di bawah Enakmen Pelabuhan dan Dermaga Sabah 2002 dan satu (1) tangkapan disyaki melakukan kesalahan Ordinan Perkapalan Saudagar 1952(MSO).
- 4       Rondaan Agen Basmi COVID-19 (ABC-19) dan Rondaan Pemantauan Pematuhan SOP Peringkat Komuniti oleh Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) telah dilaksanakan di 457 lokasi melibatkan seramai 198 anggota APM.

- 5 Sementara, rondaan sama oleh Jabatan Sukrelawan Malaysia (RELA) dilaksanakan melibatkan 56 anggota di 67 lokasi.
- 6 Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Sabah telah melaksanakan sanitasi awam di enam (6) premis, melibatkan enam (6) buah daerah iaitu Sandakan, Tuaran, Kinabatangan, Kota Belud, Lahad Datu dan Kota Marudu.
- 7 Sejumlah 55 hebahan awam dibawah program *Info On Wheels* Jabatan Penerangan Malaysia Sabah dilaksanakan di 14 daerah pada hari ini.
- 8 Hebahan umum turut dilaksanakan oleh Unit Promosi Kesihatan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah sebanyak 338 hebahan di seluruh Sabah.

**H KADAR PEMATUHAN PENDUDUK TERHADAP SOP PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN PEMULIHAN (PKPP)**

- 1 Kadar pematuhan penduduk terhadap SOP PKPP pada hari ini ialah **97.2%**. Pecahan mengikut daerah adalah seperti berikut:

<b>BIL</b>	<b>DAERAH</b>	<b>PERATUS</b>
1	Semporna	98%
2	Beluran	98%
3	Beaufort	98%
4	Papar	98%
5	Kinabatangan	98%
6	Tenom	98%
7	Kota Marudu	98%
8	Tuaran	97%
9	Penampang	97.5%
10	Keningau	97.5%
11	Ranau	97%
12	Sipitang	97%
13	Kudat	97%
14	Kota Belud	97%
15	Kunak	97%
16	Kota Kinabalu	96%
17	Lahad Datu	96%
18	Sandakan	96%
19	Tawau	96%

- 2 Ayuh, segera daftarkan diri anda untuk menerima vaksin COVID-19 melalui MySejahtera.

**Sekian.**

**#LindungDiriLindungSemua**

**YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN**

**DAN**

**MENTERI KEWANGAN II**

**22 APRIL 2021**